

termasuk kos penyeliaan, faedah dan susutnilai loji dan perbelanjaan asas (*overhead*) dan keuntungan seolah-olah kerja disediakan oleh Kontraktor atau pihak lain.

## **12.7 Penggantungan Kerja**

12.7.1 Pegawai yang diberi kuasa di dalam Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak boleh pada bila-bila masa mengarahkan kontraktor untuk menggantungkan sebahagian atau keseluruhan kerja.

12.7.2 Setelah menerima arahan bertulis, kontraktor hendaklah menggantung sebahagian atau keseluruhan kerja untuk tempoh tertentu sebagaimana yang dinyatakan di dalam arahan tersebut dan hendaklah sewajarnya melindungi, menyimpan dan mengawasi/menjamin keselamatan (*secure*) kerja-kerja atau sebahagian kerja daripada sebarang kesusutan, kehilangan atau kerosakan.

12.7.3 Dalam tempoh penggantungan tersebut, kontraktor hendaklah meneruskan pelaksanaan obligasinya di bawah kontrak. Bagi kerja-kerja yang tidak terlibat dengan penggantungan kerja, kontraktor hendaklah meneruskan pelaksanaan kerjanya termasuk obligasinya di bawah kontrak serta memastikan tempoh Insurans dan Bon Pelaksanaan sentiasa sah dan berkuatkuasa.

12.7.4 Kerajaan boleh mengarahkan kontraktor menyambung semula kerja pada bila-bila masa. Sebaik sahaja menerima arahan, Kontraktor perlulah menyambung semula kerja dan kedua-dua belah pihak perlu membuat pemeriksaan yang bersama kerja yang terlibat daripada penggantungan kerja tersebut. Kontraktor hendaklah membaiki segala kesusutan atau kecacatan atau kerugian ke atas kerja tersebut yang berlaku sepanjang tempoh penggantungan. Kontraktor perlu mengambil tindakan sewajarnya untuk mengurangkan perbelanjaan yang terlibat.

12.7.5 Sekiranya kontraktor mengalami kelewatan dan/atau mengalami kerugian di dalam mematuhi arahan di bawah klausa 50.1(a)<sup>20</sup> dan penyambungan kerja dan jika sebarang kelewatan dan/atau kerugian sekiranya yang tidak dapat dijangkakan oleh kontraktor, kontraktor hendaklah memberi Notis Untuk Lanjutan

---

<sup>20</sup> P.W.D Form 203/203A (Rev. 2007) – Suspension And Resumption of Works